



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

## Tambahan Kedua

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

---

JIL. LXXVI] KOTA KINABALU, KHAMIS, 2 SEPTEMBER 2021

[No. S 8

No. S 22

[No. JPBN: 600-1/94

### ENAKMEN BEKALAN AIR SABAH 2003

#### PERATURAN-PERATURAN BEKALAN AIR SABAH (PELESENAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(p) Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 [No. 10 tahun 2003], Menteri boleh, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Air Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

- (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Bekalan Air Sabah (Pelesenan) 2021.
- (2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2021.

#### **Tafsiran**

- Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 [No. 10 tahun 2003];

“alir air” termasuklah sungai, anak sungai dan suak termasuk mana-mana cawang sungai, cabang sungai atau lencongan buatan mengenainya, laut, tasik, air bawah tanah, empangan, takungan, longkang, parit dan laluan, selain paip yang air mengalir melaluinya bagi pembekalan air ke mana-mana premis;

“perkhidmatan bekalan air” ertinya perawatan air yang diambil daripada alur air dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem bekalan air.

### **Jenis-jenis lesen**

3. Lesen berasingan hendaklah diperlukan bagi aktiviti-aktiviti berikut, iaitu—
  - (a) pemilikan sistem bekalan air atau mana-mana bahagian daripada sistem tersebut; atau
  - (b) pengusahaan, penyediaan atau pengadaan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu.

### **Fi dan sekuriti untuk lesen**

4. (1) Fi yang hendaklah dibayar bagi suatu lesen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Susunan A dan B Jadual.
- (2) Fi tahunan lesen bagi setiap lesen hendaklah dibayar mengikut cara yang berikut:
  - (a) pada ulang tahun pertama lesen dan selepas daripada itu pada tiap-tiap tahun fi tahunan lesen itu adalah berdasarkan akaun teraudit pemegang lesen; atau
  - (b) jika akaun teraudit belum lagi dimuktamadkan pada atau sebelum ulang tahun yang pertama atau ulang tahun yang berikutnya, fi tahunan lesen hendaklah mula-mula sekali berdasarkan pada akaun belum diaudit pemegang lesen dengan syarat bahawa dalam tempoh enam bulan selepas ulang tahun pertama atau ulang tahun yang berikutnya, pelarasan hendaklah dibuat kepada fi tahunan lesen itu berdasarkan akaun teraudit pemegang lesen.
- (3) Fi pembaharuan hendaklah dibayar apabila permohonan bagi pembaharuan setiap lesen diluluskan.
- (4) Sekuriti yang hendaklah dibayar bagi lesen adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.
- (5) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh dengan budi bicaranya menyimpan apa-apa jumlah daripada sekuriti yang dinyatakan di bawah subperaturan (4) yang disifatkan mencukupi oleh Pihak Berkuasa Air Negeri untuk memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab sebagai pemegang lesen di bawah terma dan syarat lesen.

---

**Keengganan memberikan lesen**

5. Jika Pihak Berkuasa Air Negeri enggan memberikan lesen di bawah subseksyen 16(3) Enakmen, Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah memaklumkan pemohon secara bertulis tentang keengganan itu.

**Pembaharuan lesen**

6. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk pembaharuan lesen dengan menghantar permohonan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Air Negeri.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat tidak kurang daripada enam bulan sebelum habis tempoh suatu lesen dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat dan dokumen lain yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

**Permohonan untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat-syarat lesen**

7. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Air Negeri untuk—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan kepada lesen; dan
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat kepada lesen itu.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri dengan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) tarikh yang dicadangkan bagi penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan menjadi berkuat kuasa;
- (b) butir-butir terperinci tentang penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan dan sebab bagi penambahan, perubahan atau pembatalan itu; dan
- (c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

(4) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh meminta pemegang lesen supaya memberikan dalam masa yang ditentukan, apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

---

(5) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tidak akan menjejaskan hak pemegang lesen itu untuk membuat permohonan yang baru.

(6) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan maklumat lanjut atau dokumen lain yang diberikan di bawah subperaturan (4)–

(a) meluluskan permohonan itu; atau

(b) enggan untuk meluluskan permohonan itu.

(7) Keputusan Pihak Berkuasa Air Negeri untuk meluluskan atau tidak meluluskan permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen oleh Pihak Berkuasa Air Negeri melalui notis secara bertulis dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(8) Notis bertulis daripada Pihak Berkuasa Air Negeri di bawah subperaturan (7) hendaklah menyatakan–

(a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, hakikat kelulusan itu; dan

(b) dalam hal jika permohonan itu ditolak, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

### **Pemindahmilikan lesen**

8. (1) Pemegang lesen boleh memohon kepada Menteri untuk memindahmilikan lesen dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Menteri dan permohonan itu hendaklah disertai dengan–

(a) butir-butir yang berkaitan mengenai pemindahmilikan yang dicadangkan itu, termasuk butir-butir mengenai penerima pindah milik yang dicadangkan dan pengalaman dan kebolehan penerima pindah milik yang dicadangkan dalam mengusahakan aktiviti yang dilesenkan; dan

(b) fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), meminta pemegang lesen untuk memberi Menteri dalam masa yang dinyatakan maklumat lanjut atau dokumen lain berkenaan dengan permohonan itu.

(3) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (2) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam masa yang dinyatakan di dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Menteri, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemegang lesen itu untuk membuat permohonan yang baru.

---

